

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN TERLIBAT DALAM PENGANJURAN SIMPOSIUM ETIKA PENYELIDIKAN 2025

Prof. Madya Ts. Dr. Eddie Tan Ti Tjih

Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Etika Cawangan Negeri Sembilan,
Universiti Teknologi MARA (UiTM),
Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah,
72000, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Pelaksanaan penyelidikan secara beretika kini menjadi agenda yang semakin diberi penekanan dalam dunia akademik. Semakin banyak editor jurnal dan penerbit makalah saintifik mewajibkan kelulusan etika sebelum penerbitan, terutamanya bagi penyelidikan yang melibatkan subjek manusia dan haiwan.

Simposium Etika Penyelidikan (Research Ethics Symposium, RES) 2025 telah dianjurkan buat julung kalinya oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) selama dua hari, iaitu pada 11 dan 12 Mac 2025. Pada hari pertama, sebanyak 10 sesi syarahan telah disampaikan oleh pakar-pakar dalam bidang etika penyelidikan, manakala hari kedua melibatkan sesi amali penilaian permohonan etika penyelidikan yang dibimbing oleh fasilitator berpengalaman.

Simposium ini dilaksanakan secara hibrid dari UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Alam dan turut disiarkan secara atas talian. UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah memainkan peranan penting dengan menyediakan kemudahan siaran langsung dari Kampus Puncak Alam di Kampus Kuala Pilah. Jawatankuasa Penilaian Etika Cawangan (Branch Ethics Review Committee, BERC) Negeri Sembilan, selaku jawatankuasa kecil penganjur, telah memastikan setiap pusat pengajian menghantar wakil untuk menghadiri simposium ini sama ada secara atas talian atau secara fizikal di Dewan Kuliah 200, Kampus Kuala Pilah.

Dalam ucapan aluan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UiTM, Prof. Ts. Dr. Norazah Abd Rahman menekankan bahawa, "Penilaian permohonan etika penyelidikan adalah satu proses yang serius dan perlu dijalankan dengan teliti. Keterlitan saintifik sangat penting kerana tanpa keterlitan tersebut, adalah tidak wajar untuk sesuatu penyelidikan dijalankan. Ini bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan peserta atau subjek penyelidikan sentiasa terpelihara."

Dalam dunia akademik, penyelidikan merupakan tunjang utama kepada pembangunan ilmu pengetahuan dan inovasi teknologi. Namun begitu, di sebalik setiap kajian yang dijalankan, terdapat satu elemen asas yang tidak boleh diabaikan, iaitu kelulusan etika. Kelulusan ini bukan sekadar formaliti atau bebanan kepada penyelidik, malah merupakan satu mekanisme penting bagi memastikan penyelidikan dilaksanakan dengan integriti, tanggungjawab, serta menghormati hak dan kesejahteraan semua pihak yang terlibat.

Apabila penyelidikan melibatkan manusia, haiwan atau data sensitif, risiko terhadap subjek adalah nyata. Justeru, prosedur kajian perlu mengambil kira aspek keselamatan fizikal, emosi dan psikologi peserta. Tanpa kawalan etika yang sewajarnya, penyelidikan boleh menyebabkan kesan mudarat yang tidak dijangka, trauma, atau pelanggaran hak asasi. Oleh itu, kelulusan etika menuntut penyelidik memperincikan langkah-langkah perlindungan seperti mendapatkan persetujuan termaklum (informed consent) dan menjamin kerahsiaan data.



Panel etika akan menilai sama ada objektif kajian, kaedah pengumpulan data, dan analisis dirancang secara adil serta tidak berat sebelah. Ini penting untuk mengelakkan manipulasi data atau penyimpangan hasil yang boleh menjejaskan kredibiliti penyelidikan. Kelulusan etika bukanlah beban, sebaliknya merupakan satu bentuk tanggungjawab sosial yang harus dipikul oleh setiap penyelidik. Oleh itu, penyelidik wajar mengambil serius proses ini sebagai komitmen terhadap amalan penyelidikan yang beretika, bermaruah, dan berimpak tinggi.